



**B**agi mengingati peranan media dalam menyampaikan sebarang maklumat, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan Malam Mesra Media 2008 yang bertempat di Hotel Putra Palace di sini 21 Februari 2009 lalu.

# Malam Mesra Media UniMAP 2008

Naib Canselor UniMAP Brig. Jen. Dato` Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, majlis itu merupakan acara tahunan UniMAP bagi menghargai media dalam mempromosikan institusi pendidikan itu.

Katanya lagi, UniMAP merupakan antara universiti yang aktif menganjurkan pelbagai acara dan menjalinkan hubungan baik dengan pihak media dalam pelbagai aspek sama ada melalui media cetak dan elektronik.

Selain meraikan pihak media, UniMAP Juga meraikan majlis perpisahan Pegawai Penyelaras Media UniMAP, Hanum Hassan yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

